

Orientasi Nilai dan Set Minda yang Mendasari Pandang Dunia Orang Asli: Penelitian ke atas Orang Kanaq dan Orang Kuala

Nurasyikin Ghazali (P77509) dan Sharina Abdul Halim

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: ekin_ghazali@yahoo.com

Pernyataan Masalah: Pelbagai program telah dilaksanakan oleh kerajaan di bawah Pelan Tindakan Pendidikan Masyarakat Orang Asli (JAKOA 2015) bagi meningkatkan pencapaian pendidikan Orang Asli. Hasilnya, terdapat pelajar Orang Asli yang telah berjaya menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Seramai 693 pelajar Orang Asli berjaya menamatkan pengajian di IPTA dalam tempoh sepuluh tahun (2001 hingga 2010). Namun, masih terdapat pelajar Orang Asli yang masih dibelenggu masalah keciciran dan ketidakhadiran ke sekolah. Pelbagai persoalan timbul dalam usaha meningkatkan pencapaian masyarakat Orang Asli dalam bidang pendidikan. Selama ini masyarakat sering memberi perhatian kepada aspek infrastruktur. Satu lagi aspek yang perlu diberi perhatian ialah melalui sikap mereka yang didasari oleh orientasi nilai dan set minda. **Objektif:** Kajian ini bertujuan mengkaji pengaruh orientasi nilai dan set minda terhadap ibu bapa Orang Kanaq dan Orang Kuala berkaitan pendidikan. **Metodologi:** Masyarakat Orang Asli sering dikaitkan dengan masyarakat yang mundur. Stereotaip seumpama ini tidak wajar disamakan dengan Orang Asli kerana ada di antara mereka yang mampu bersaing dengan masyarakat luar seperti masyarakat Orang Kuala. Berlainan pula dengan Orang Kanaq, mereka merupakan di antara enam kelompok terkecil (suku Lanoh, Kintak, Kensiu, Mendriq dan Che Wong) yang mengalami keterancaman di negara ini jika dilihat daripada segi bilangannya. Kajian ini dijalankan ke atas 150 orang responden daripada masyarakat Orang Kuala di Kampung Sungai Layau, salah satu daripada 11 perkampungan masyarakat Orang Kuala yang terdapat di Johor. Manakala bagi Orang Kanaq hanya melibatkan 16 orang responden yang menetap di Kampung Sungai Selangi. Kedua-dua kampung ini terletak dalam daerah Kota Tinggi, Johor. Kerja lapangan dijalankan secara berperingkat bermula dari akhir tahun 2015 sehingga tahun 2016. Analisis perbandingan orientasi nilai dan set minda dijalankan. Orientasi nilai yang mendasari ibu bapa masyarakat Orang Kanaq dan Kuala berdasarkan sepuluh nilai yang dikemukakan oleh Teori Nilai Schwartz (Schwartz 2012) hala tuju, rangsangan, hedonisme, kuasa, keselamatan, pematuhan, tradisi, kebajikan dan universalism. Set minda pula berdasarkan dua jenis set minda yang dikemukakan oleh Dweck (Dweck 2010) iaitu Minda Tetap dan Minda Berkembang. **Hasil:** Analisis hasil dapatan kajian menunjukkan orientasi nilai Orang Kuala adalah lapan daripada sepuluh nilai Teori Schwartz hala tuju, universalism, pencapaian, keselamatan, pematuhan, tradisi, hedonisme dan kebajikan. Manakala orientasi nilai Orang Kanaq pula adalah lima daripada sepuluh nilai Teori Schwartz universalism, keselamatan, pematuhan, tradisi dan kebajikan. Hal ini menunjukkan Orang Kuala mempunyai nilai-nilai yang lebih bersifat menyeluruh dan meliputi kepada individu berbeza dengan Orang Kanaq yang lebih kepada bersifat masyarakat. Kehidupan Orang Kuala kini lebih menerapkan nilai individualistik atau keluarga nuklear yang dahulunya bersifat keluarga luas seperti yang masih diamalkan oleh Orang Kanaq. Dari aspek set minda pula, majoriti Orang Kuala mempunyai set minda berkembang, manakala set minda Orang Kanaq pula adalah set minda transisi. Hal ini jelas menunjukkan mengapa Orang Kuala mempunyai tahap pendidikan yang lebih baik dengan 32 orang telah menyambung pengajian sehingga peringkat universiti berbanding Orang Kuala yang masih tiada wakil daripada mereka. **Kesimpulan:** Penelitian terhadap kepelbagaiannya yang wujud dalam sistem nilai dan set minda boleh membantu kita menjelaskan mengapa wujud pencapaian dan kemajuan secara berbeza antara anggota dalam sesuatu kelompok sosial tersebut. Ringkasnya, walaupun pelbagai program dan latihan yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak berkuasa kepada masyarakat Orang Asli, namun aktiviti sebegini perlu dipergiatkan dan diperkuuhkan lagi bagi menjamin kelestarian mereka. Oleh itu dalam usaha untuk merangka program pendidikan Orang Asli, set minda, nilai dan prinsip pendidikan peribumi tidak boleh diabaikan.